
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2006/2007

Jun 2007

HGM 330 – PEMIKIRAN GEOGRAFI

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Bincangkan bagaimana pengetahuan geografi yang berteraskan tempat dan ruang dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan kemudahan pendidikan dan kesihatan di kawasan luar bandar di negara-negara membangun.

[25 markah]

2. Merujuk contoh-contoh yang sesuai bincangkan hubungan di antara alam sekitar dan masyarakat yang dianggap semakin penting hari ini.

[25 markah]

3. Bincangkan secara terperinci lima sub-bidang utama disiplin geografi yang menjadi topik penting dalam pengajaran dan penyelidikan geografi semasa.

[25 markah]

4. Bincangkan sudut pandangan **DUA ORANG** ahli geografi humanistik yang telah menggunakan falsafah pemikiran existential fenomenologi untuk mendefinisikan 'tempat' dalam disiplin geografi.

[25 markah]

5. Merujuk kepada penulisan ahli geografi dalam dan luar negara, bincangkan bagaimana pendekatan geografi pasca-modern telah memberi penekanan kepada kajian ke atas pihak-pihak terpinggir.

[25 markah]

6. Menurut Rose (1993) dominasi lelaki dalam disiplin geografi telah menyebabkan disiplin ini dikatakan satu subjek yang berkedudukan maskulin. Bincangkan pernyataan ini dengan memberi perhatian kepada sumbangan ahli-ahli geografi feminis dalam memperkayakan disiplin geografi.

[25 markah]